



SIJIL TAKAFUL PEMBIAYAAN AT-TAMWIL

Kandungan		Muka Surat
Bahagian 1	Takrif-Takrif dan Tafsiran-Tafsiran	2
Bahagian 2	Terma-Terma dan Syarat-Syarat	5
Bahagian 3	Kelayakan	8
Bahagian 4	Perlindungan	9
Bahagian 5	Pengecualian-Pengecualian	10
Bahagian 6	Tuntutan-Tuntutan	11

SIJIL TAKAFUL PEMBIAYAAN AT-TAMWIL

BAHAWASANYA pemegang sijil (selepas ini disebut sebagai **Peserta**) sebagaimana dinamakan di dalam Jadual yang dilampirkan (selepas ini disebut sebagai **Jadual**) oleh Isytiharan Cadangan bertulis yang akan menjadi asas kepada perjanjian dan disifatkan sebagai diperbadankan dalam Sijil ini telah memohon kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (selepas ini disebut sebagai **Syarikat**) untuk menyertai dalam takaful ini dan mengambil pertimbangan daripadanya, telah membayar sumbangan takaful kepada Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, selaras dengan Undang-Undang Brunei Darussalam.

SIJIL INI SEKARANG MENYAKSIKAN bahawa bersabit daripada kejadian-kejadian yang berlaku semasa tempoh takaful yang dinyatakan di dalam Jadual dan tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam Sijil atau diendoskan ke atasnya (selepas ini secara rangkuman disebut sebagai Terma-Terma Sijil ini).

BAHAGIAN 1 : TAKRIF-TAKRIF DAN TAFSIRAN-TAFSIRAN

TAKRIF-TAKRIF:

Kecuali sebaliknya dikehendaki oleh konteks, takrif-takrif berikut akan digunapakai: -

Kemalangan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kekerasan, kemalangan, faktor luaran dan nampak kelihatan dan bukan disebabkan oleh satu-satu sakit, penyakit atau keadaan fizikal dan mental yang merosot.

Perkataan Sijil

Bermakna keseluruhan Sijil yang merangkumi perjanjian asas, cadangan, kenyataan peribadi dan setiap kenyataan yang dibuat oleh Peserta dan semua Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan endosmen-endosmen yang tergabung di dalam Jadual atau diendoskan kemudiannya dan semua pindaan-pindaan bertulis yang dibuat oleh Syarikat.

Tarikh Kuatkuasa

Bermakna tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endosmen.

Hospital

Bermakna mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang, menyediakan khidmat kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, mempunyai seorang atau lebih doktor perubatan sepanjang masa dan menyediakan kemudahan untuk diagnosa dan pembedahan besar, dan bukan semata-mata merupakan sebuah klinik, pusat penempatan penagih arak atau dadah, rumah penjagaan kejururawatan bagi pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang seumpamanya.

Penyakit

Bermakna penyakit yang dihidapi dan / atau bermula selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa atau tarikh endosmen, mana-mana yang terkemudian.

Kecederaan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedahsiasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

Tempoh Takaful

Bermakna tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, termasuk juga apa-apa pelanjutan jangka waktu perlindungan yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Syarikat.

Orang yang Dilindungi

Bermakna seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 3: Kelayakan.

Doktor

Bermakna seorang yang mempunyai kelayakan dan berdaftar sebagai pengamal perubatan yang berlesen di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dan bekerja di dalam ruang lingkup lesen dan latihannya sahaja. Doktor yang merawat hendaklah bukan majikan, pekerja, ejen Peserta atau rakan perniagaan Peserta, atau orang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Peserta dari segenap segi.

Keadaan-Keadaan Sedia Ada

Bermakna kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala:

- a) yang mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima atau dijangka sebelum Sijil berkuatkuasa bagi Peserta berkenaan, atau
- b) yang mana berasal dari atau Peserta itu tahu akan kewujudannya (atau sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Sijil) sebelum daripada Sijil berkuatkuasa sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima.

Jadual

Bermakna Jadual Sijil ini dan maklumat yang mengandungi butiran Peserta, Manfaat Asas dan Tambahan jika ada, Sumbangan, dan Tempoh Takaful.

Jumlah Perlindungan

Bermakna jumlah maksimum manfaat yang dibayar oleh Syarikat.

Perjanjian-Perjanjian Tambahan

Bermakna manfaat tambahan atau perlindungan kepada Sijil Asas untuk Sumbangan tambahan yang diluluskan oleh Syarikat dan hanya berkuatkuasa apabila digabungkan bersama Jadual atau diendoskan kemudiannya dan apabila ianya bergabung atau diendoskan ia menjadi sebahagian daripada Sijil.

Tabarru'

Bermakna satu komitmen oleh semua Peserta takaful untuk menderma di dalam satu dana atau satu Kumpulan Wang/Dana Risiko Peserta bagi tujuan sama-sama menanggung risiko kerugian.

Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan

Bermakna keilatan, sama ada disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit, yang menghalang sama sekali Peserta daripada melibatkan diri dalam apa-apa jenis perniagaan atau pekerjaan atau menjalankan apa-apa tugas bagi memperolehi upah atau keuntungan dengan syarat bahawa untuk menentukan sama ada Keilatan Seluruh Tubuh Badan itu menjadi kekal, keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa gangguan bagi selama tempoh tidak kurang enam (6) bulan.

Kehilangan kedua tangan, atau kedua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, atau kedua belah mata adalah disifatkan sebagai keilatan menyeluruh dan kekal, tanpa menimbulkan prasangka kepada sebab-sebab lain mengenai Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan. Kehilangan bagi tangan dan kaki bererti putus pada atau di pergelangan tangan dan buku lali kaki; bagi mata, hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

Wakalah

Bermakna perjanjian dimana Peserta melantik Syarikat sebagai Wakil untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan dan mengagihkan Kumpulan Wang/Dana Risiko Peserta tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah dan Peserta bersetuju untuk memberikan Upah Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

TAFSIRAN-TAFSIRAN

1. Kecuali apabila konteksnya memberi erti berbeza, setiap rujukan Sijil ini untuk jantina lelaki juga memberi erti untuk jantina perempuan, jantina berkecuali dan sebaliknya.
2. Tajuk-tajuk adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan ia tidak menjejaskan pembinaan dan tafsiran Sijil ini.
3. Perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada bentuk satu adalah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu merangkumi juga koperasi-koperasi, syarikat-syarikat, firma-firma, perkongsian, badan-badan korporat, badan-badan bukan korporat atau mana-mana agensi atau badan negara atau kerajaan.
5. Di mana ada dua (2) orang atau lebih terangkum di dalam apa-apa istilah yang digunakan di sini, semua persetujuan-persetujuan, terma-terma, ketetapan-ketetapan, peraturan-peraturan, ketentuan-ketentuan dan jaminan-jaminan yang terkandung di sini dianggap dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama.
6. Rujukan-rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya harus ditafsirkan sebagai rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual Sijil ini.
7. Kecuali apabila konteksnya mengkehendaki sebaliknya, atau dinyatakan secara nyata, setiap rujukan kepada mana-mana “undang-undang, penggubalan (undang-undang), statut atau peraturan-peraturan”, ianya bererti, “undang-undang, penggubalan, statut atau peraturan-peraturan” Brunei Darussalam yang berkuatkuasa kini dan termasuk juga undang-undang awam (*common law*) atau adat, mana-mana undang-undang perlembagaan, perintah, penghakiman, penggubalan, perintah, ordinan, peraturan, statut, perjanjian atau ukuran perundangan yang lain, atau perintah masa kini atau masa hadapan, keperluan kepada peraturan-peraturan, keperluan (dalam setiap kes, sama ada wujud penguatkuasaan undang-undang atau tidak tetapi jika tiada penguatkuasaan undang-undang, kesesuaian dengan amalan perseorangan kepada orang yang ditujukan perintah-perintah, peraturan-peraturan, permintaan arahan, atau syarat-syarat tersebut).
8. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua rujukan kepada sebuah waktu dalam hari adalah dirujuk kepada waktu Brunei.
9. Semua rujukan kepada penggubalan (undang-undang), statut-statut dan peraturan-peraturan merangkumi juga semua pindaan-pindaan dan penggantian-penggantian yang mungkin dikuatkuasakan dari masa ke semasa.
10. Jadual ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Sijil ini dan harus diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dalam Sijil ini.
11. Setiap kebebasan, kuasa, hak, pilihan atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau penentuan yang mungkin dibuat oleh Syarikat dapat dilaksanakan, atau dibuat dengan budi bicara Syarikat secara mutlak dan Syarikat tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi apa-apa alasan sekalipun.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BAHAGIAN 2: TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. TEMPOH BERTENANG

Jika Peserta mendapati bahawa Sijil tidak memenuhi kehendaknya, Peserta bolehlah mengembalikan Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bermulanya Sijil. Dalam keadaan sedemikian, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak bagi pengembalian penuh sumbangan yang telah dibayar tanpa keuntungan ditolak dengan perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh syarikat bagi mempertimbangkan permohonannya.

2. PERJANJIAN

Sijil ini, Jadual dan mana-mana endosmen kepada Sijil atau Jadual hendaklah dibaca bersama, dan mana-mana perkataan atau ungkapan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ianya terdapat.

3. PRASYARAT KEPADA TANGGUNGAN

Pematuhan dan pelaksanaan kepada terma-terma, peraturan-peraturan dan endosmen-endosmen Sijil ini setakat mana yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta dan kebenaran pernyataan-pernyataan dan jawapan-jawapan di dalam Borang Cadangan dan Akuan hendaklah merupakan prasyarat kepada apa-apa tanggungan Syarikat bagi membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini.

Sebagai tambahan Orang yang Dilindungi mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Syarikat dan juga penasihat-penasihat perubatan Syarikat dan akan memberikan semua butiran dan hal-hal yang diketahui atau patut diketahui oleh Orang yang Dilindungi dengan sepenuhnya dan sejujurnya, dan akan jika dipinta melaksanakan mana-mana dokumen untuk memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi, dari mana-mana Doktor atau Hospital atau dari sumber yang lain.

4. FAKTA TIDAK DIDEBAHKAN

Jika terbukti adanya salah penakrifan atau fakta yang tidak didedahkan, Sijil ini akan hilang sahlaku dan Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar manfaat takaful.

5. BUKTI UMUR

Syarikat berhak pada bila-bila masa meminta umur mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini yang mana ianya hendaklah dibuktikan memuaskan.

Bukti umur Orang yang Dilindungi yang memuaskan Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat baginya dibayar di bawah Sijil ini.

6. PERUBAHAN PADA SIJIL

Sijil ini, boleh pada bila-bila masa, dipinda dan diubah, melalui permintaan secara bertulis oleh Peserta dan dipersetujui oleh Syarikat, tetapi apa-apa pindaan adalah tanpa prasangka kepada mana-mana tuntutan yang timbul sebelum tarikh perubahan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan oleh Syarikat.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

Tiada pindaan Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui endosmen yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

7. TIADA PENYERAHAN HAK

Manfaat di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

8. KEADAAN-KEADAAN KESIHATAN YANG SEDIA WUJUD

Tiada Manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini bagi perlindungan Peserta atau mana-mana Orang yang Dilindungi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang berlaku dalam empat belas (14) hari sebelum berkuatkuasa Sijil ini.

9. SALAH MELAPORKAN UMUR

Sekiranya, pada umur betul, Peserta adalah sepatutnya tidak layak bagi perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat yang kena dibayar.

10. PENYERAHAH SIJIL

Peserta boleh memilih untuk menyerahkan Sijil. Manfaat penyerahan adalah bersamaan dengan sumbangan takaful bersih (selepas ditolak Upah Wakalah) untuk tempoh penyertaan yang belum tamat yang dikira berdasarkan kepada umur Peserta pada harijadi yang akan datang pada tarikh penyerahan Sijil dan jumlah wang menurun yang diperlindungi menurut tempoh penyertaan yang belum tamat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Wang Menurun yang diperlindungi seperti yang dilampirkan.

11. BAYARAN PERKHIDMATAN

Jika sekiranya Sijil ini diendoskan atau diserahkan, Syarikat akan mengenakan bayaran BND30.00 untuk setiap Sijil. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan bagi Sijil Peserta yang diserahkan dalam tempoh bertenang. Syarikat berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menyemak Bayaran Perkhidmatan pada bila-bila masa dan akan melakukan usaha yang munasabah untuk memaklumkan kepada Peserta mengenai semakan tersebut.

12. TIMBANGTARA

Pihak-Pihak berkenaan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan secara damai dengan melakukan perundingan tidak formal secara langsung bagi setiap perselisihan antara mereka berdasarkan atau berhubungkait dengan Sijil ini. Jika sekiranya Pihak-Pihak tersebut tidak dapat menyelesaikan perselisihan secara damai dalam masa tiga puluh (30) hari waktu bekerja dari tarikh perselisihan tersebut timbul, sama ada salah satu Pihak menghendaki agar perselisihan tersebut dirujuk untuk diselesaikan oleh pihak timbangtara, mengikut peruntukan Perintah Timbangtara, 2009. Pihak Tribunal timbangtara hendaklah terdiri daripada satu penimbangtara tunggal, orang tersebut hendaklah disepakati di antara Pihak-Pihak tersebut, atau jika gagal, akan dicalonkan sesuai dengan Perintah Timbangtara, 2009. Peraturan Timbangtara yang digunapakai adalah Peraturan Timbangtara UNCITRAL. Tempat duduk dan tempat timbangtara adalah Negara Brunei Darussalam, dan bahasa timbangtara adalah Bahasa Inggeris. Semua hak dan kewajipan Pihak-Pihak berkenaan di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa sepenuhnya sehingga menunggu keputusan akhir dari timbangtara tersebut. Sebarang rujukan kepada timbangtara di bawah klausa ini akan menjadikannya satu penyerahan kepada timbangtara di dalam maksud Perintah Timbangtara, 2009 yang pada masa ini berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

13. APABILA BERLAKU PENIPUAN

Jika mana-mana tuntutan, dalam mana-mana keadaan, didapati palsu atau berlaku penipuan atau cara penipuan atau alatan yang digunakan oleh Peserta atau Orang yang Dilindungi atau sesiapa juga yang melakukannya bagi pihak mereka untuk mengaut manfaat, maka perlindungan untuk Orang yang Dilindungi akan dibatalkan serta-merta dan kesemua manfaat dan sumbangan akan dirampas.

14. PRINSIP-PRINSIP TAKAFUL DAN PEMBAHAGIAN LEBIHAN BERSIH KEUNTUNGAN

Tabarru'

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya 62% daripada sumbangan Takaful Peserta akan didermakan ke dalam Kumpulan Wang Takaful Pembiayaan / Gadaijanji / Dana Risiko Peserta secara *Tabarru'* bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil ini. Apa-apa keuntungan yang terhasil setiap bulan dari pelaburan akan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Takaful Pembiayaan/ Gadaijanji/Dana Risiko Peserta.

Al-Wakalah

Peserta dengan ini melantik Syarikat sebagai Wakil Peserta untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan yang menepati prinsip Syariah dan mengagihkan Kumpulan Wang/Dana Risiko Peserta tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Sijil ini. Maka adalah dengan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan 38% daripada sumbangan takaful kepada Syarikat sebagai Upah Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Pembahagian Lebihan Bersih Keuntungan

Peserta juga memahami bahawa lebihan bersih keuntungan yang terhasil daripada Kumpulan Wang/Dana Risiko Peserta tersebut, jika ada, akan dikendalikan oleh syarikat mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Syarikat berdasarkan prinsip Syariah yang akan memberi kebaikan kepada Peserta dan Kumpulan Wang Takaful/Dana Risiko Peserta tersebut.

Sebagaimana dipersetujui dan diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah, lebihan bersih keuntungan jika ada, seperti yang dinyatakan dalam penilaian terakhir oleh Syarikat, hanya akan diagihkan kepada Sijil yang matang dan Peserta tidak membuat tuntutan dan / atau menerima apa-apa pampasan dan/atau manfaat di bawah Perjanjian takaful dalam tempoh ia berkuatkuasa yang mana ianya juga tertakluk kepada budi bicara Syarikat dan keutuhan Kumpulan Wang Takaful/Dana Risiko Peserta berkenaan.

15. TAKAFUL SEMULA (INSURANS SEMULA)

Syarikat boleh mengikut budi bicaranya, mendapatkan perlindungan takaful semula (insurans semula) daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi kepentingan Peserta.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BAHAGIAN 3: KELAYAKAN

Pada tarikh kuatkuasa perlindungan, Orang yang Dilindungi hendaklah:

1. Orang Dewasa berumur Harijadi Akan Datang lapan belas (18) dan keatas dan Sijil hendaklah matang sebelum umur tujuh puluh (70) tahun;
2. Warganegara Brunei atau Pemastautin di Brunei Darussalam.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BAHAGIAN 4: PERLINDUNGAN

I. PERLINDUNGAN ASAS : MANFAAT KEMATIAN

- i. Sekiranya Peserta meninggal dunia semasa Tempoh Takaful yang sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual, Syarikat akan membayar manfaat takaful kepada institusi kewangan yang dinyatakan dalam borang cadangan. Manfaat takaful adalah jumlah wang menurun yang diperlindungi pada tarikh kematian Peserta seperti yang diberitahu oleh institusi kewangan atau sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Wang Menurun yang Diperlindungi, yang mana lebih rendah.
- ii. Pembayaran manfaat takaful adalah tertakluk kepada keadaan berikut:
 - a. Bahawa keterangan dan butir-butir yang diberi dan diperakukan oleh Peserta dalam borang cadangan dan akuan adalah benar dan betul;
 - b. Bahawa kematian Orang yang Dilindungi bukanlah disebabkan atau akibat daripada pengecualian-pengecualian;
 - c. bahawa Peserta tidak membuat permohonan, bertulis atau apa-apa yang lain, bagi menyerahkan Sijil sebelum tarikh kematiannya;

II. PERJANJIAN-PERJANJIAN TAMBAHAN

Endosmen-endosmen berikut hanya sah bagi Sijil ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus di dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada terma-terma Sijil ini (selepas ini disebut "Sijil Asas")

Fasal-fasal berikut adalah tambahan kepada Sijil sebagai balasan kepada permohonan dan pembayaran sumbangan tambahan pada tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan dalam jadual.

E1: FASAL MANFAAT KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN

1. PERLINDUNGAN

Setelah diterima dan diluluskan bukti bahawa mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil Asas dan Fasal ini, mengalami Keilatan Kekal Seluruh Badan, Syarikat tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Fasal ini, membayar kepada institusi kewangan, manfaat mengikut yang ditetapkan di dalam Jadual, terma-terma dan peruntukan- peruntukan dalam Sijil Asas.

Jika berlaku Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BAHAGIAN 5: PENGECUALIAN - PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika Kematian atau Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan kepada Orang yang Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Kematian atau Keilatann Kekal Seluruh Badan yang berlaku dalam tiga puluh (30) hari sebelum berkuatkuasa Sijil ini.
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Bunuh diri;
- e. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan;
- f. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya;
- g. Penerbangan, gelungsur angin atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada penumpang yang membayar tambang biasa daripada syarikat penerbangan atau perkhidmatan charter yang diiktiraf;
- h. Penyertaan atau latihan yang merbahaya atau latihan jenis sukan atau pertandingan yang merbahaya atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan yang merbahaya;
- i. Kecederaan yang disebabkan oleh letusan nuklear, gabungan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BAHAGIAN 6: TUNTUTAN

1. NOTIS TUNTUTAN

Notis secara bertulis mengenai kejadian yang menjadi asas kepada tuntutan di bawah Sijil ini mesti dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kejadian berkenaan. Notis yang diberikan oleh atau bagi pihak Peserta kepada Syarikat dengan maklumat-maklumat yang secukupnya bagi mengenal pasti Orang yang Dilindungi adalah dianggap sebagai notis kepada Syarikat.

Dengan syarat bahawa Orang yang Dilindungi telah mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, di atas bukti kukuh dan nyata hendaklah diserahkan kepada Syarikat selepas enam (6) bulan dan dalam tempoh sembilan (9) bulan daripada tarikh berlakunya Keilatan tersebut. Walau bagaimanapun kegagalan untuk mengemukakan notis dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan jika dapat dibuktikan adalah tidak munasabah bagi Peserta mengemukakan notis dalam tempoh tersebut dan notis tersebut telah dikemukakan dalam tempoh yang berpatutan.

2. PEMERIKSAAN

Syarikat mempunyai hak dan kesempatan melalui wakil perubatannya untuk memeriksa Orang yang Dilindungi bila dan seberapa kerap yang ia dapati munasabah semasa atau dalam tempoh proses tuntutan dibuat di bawah Sijil ini, dan bagi kes kematian, untuk menyiasat punca kematian tersebut.

3. BUKTI TUNTUTAN

Semua dokumen, maklumat, dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibuat atas perbelanjaan orang yang membuat tuntutan dan dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh Syarikat.

4. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini akan dibayar kepada institusi kewangan dan Peserta harus bertanggungjawab bagi apa-apa duti harta pusaka yang mungkin dikenakan ke atasnya. Apa-apa resit atau pelepasan yang diberikan oleh Peserta kepada Syarikat bagi mana-mana manfaat di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai muktamad dan pelepasan sepenuhnya semua tanggungan Syarikat.

5. PENIPUAN TUNTUTAN

Jika tuntutan dalam hal apapun adalah penipuan atau jika ada isytiharan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa cara penipuan atau helah digunakan oleh Peserta atau siapa-siap sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Sijil ini, atau jika tuntutan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan sepakatan Peserta, semua manfaat di bawah ini Sijil akan terbatal. Jika ada bayaran yang telah dibuat oleh Syarikat, maka Syarikat mempunyai hak untuk mendapat semula bayaran tersebut serta mengambil tindakan undang-undang terhadap Peserta.

6. TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau yang sebanding boleh diambil untuk mendapatkan bayaran tuntutan sebelum tamatnya tempoh satu (1) tahun atau setelah luput dua (2) tahun daripada tarikh bermulanya kejadian.

Sijil Takaful Pembiayaan At-Tamwil

BUTIRAN PERHUBUNGAN TUNTUTAN

Sila hubungi:

Jabatan Tuntutan,
Unit 1 & 2 Kompleks Seri Kiulap,
Kg.Kiulap, Gadong,
Bandar Seri Begawan BE1318,
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon : +673 2231 100

Naskhah Bahasa Inggeris adalah Sijil yang sah dan akan dirujuk sekiranya timbul apa-apa pertikaian daripada Sijil ini.